
**PINDAAN PANDUAN PENTAULIAHAN PROGRAM DAN PELAKSANAAN
LATIHAN KEMAHIRAN MELALUI LATIHAN PROGRAM BERTAULIAH (SLaPB)
DI BAWAH SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA PENSIJILAN
PROGRAM MODULAR UNIT KOMPETENSI (CU) DAN AKTIVITI KERJA (WA)
BERTARIKH 1 JUN 2022 BAGI PERKARA 12.0 PEMARKAHAN DAN
PEREKODAN**

Rujukan: JPK.700-2/3/9 (3)

Tarikh: 7 Jun 2022

Adalah dimaklumkan pada tahun 2019, SPKM telah ditambahbaik dengan pelaksanaan sistem kredit bagi memperjelaskan tahap pencapaian dan keterampilan pelatih yang diukur berdasarkan keperluan NOSS. 1 (satu) kredit dikira bersamaan 40 jam *notional* dan nilai kredit serta gred diberikan berdasarkan pencapaian pelatih.

Sehubungan itu, Panduan Pentaualihan Program Dan Pelaksanaan Latihan Kemahiran Melalui Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Pensijilan Program Modular Unit Kompetensi (CU) Dan Aktiviti Kerja (WA) pada perkara **12.0 PEMARKAHAN DAN PEREKODAN** dipinda dan digantikan dengan berikut:

12.0 PEMARKAHAN DAN PEREKODAN

Kaedah Pelaksanaan Penilaian dan Permarkahan Program Modular

- a. Komponen Penilaian bagi setiap program modular CU/WA terbahagi kepada dua (2) iaitu PKK dan PA.
- b. Penilaian program modular CU adalah penilaian berasaskan kredit. Nilai kredit dan gred diberikan setelah pelatih dinilai dan disahkan. PKK modular CU ialah penilaian berterusan bagi setiap CU.
- c. Penilaian program modular WA adalah penilaian bukan kredit. PKK modular WA ialah penilaian berterusan bagi sepanjang tempoh latihan dilaksanakan.
- d. PKK hendaklah dilaksanakan secara dalaman di Pusat Bertauliah (PB).
- e. Penilaian Akhir (PA) modular CU, PB boleh memilih satu (1) CU yang akan dinilai dan disahkan oleh PPL semasa verifikasi PPL di akhir program dan CU yang lain hendaklah dilaksanakan secara dalaman.
- f. Penilaian akhir (PA) modular WA akan dinilai dan disahkan oleh PPL semasa verifikasi PPL di akhir program.

- g. PKK dan PA yang dilaksanakan secara dalaman di PB akan disemak dan disahkan oleh PPL semasa sesi verifikasi akhir.

Komponen Penilaian Penilaian PKK dan PA Mengikut Tahap

BIL	KOMPONEN PENILAIAN		PECAHAN PERATUS PENILAIAN	
			TAHAP 1-3	TAHAP 4-5
1	PENILAIAN KERJA KURSUS (PKK)	PENGETAHUAN		
		1. Ujian Teori	11%	11%
		i. Kertas Tugasan	5%	5%
		ii. Kuiz	6%	6%
		2. Lain-lain (Laporan perbincangan, Laporan lawatan tapak, Persembahan dan sebagainya)	10%	13%
		Jumlah	21%	24%
		PRESTASI		
2	PENILAIAN AKHIR (PA)	Ujian Amali	49%	36%
		Kertas Ujian Amali mempunyai komponen berikut:		
		i. Proses Kerja	25%	18%
		ii. Hasil Kerja (Produk/ Servis / Keputusan)	17%	12%
		iii. Sikap/Keselamatan	5%	4%
		iv. Lisan	2%	2%
		Ujian amali boleh dilaksanakan dalam bentuk projek kecil TVET, Kajian Kes, kerja praktikal, simulasi dan lain-lain. * Kertas Kerja tidak dikira sebagai Ujian Amali		
		Jumlah	70%	60%
		PENGETAHUAN		
		Penilaian Akhir Teori	9%	16%
		PRESTASI		
		Penilaian Akhir Amali	21%	24%
		Jumlah	30%	40%

Pecahan Peratus Penilaian Dan Markah Lulus Minimum

BIL	KOMPONEN PENILAIAN		PECAHAN PERATUS PENILAIAN DAN MARKAH LULUS MINIMUM			
			TAHAP 1 - 3	MARKAH MIN	TAHAP 4 & 5	MARKAH MIN
1.	PENILAIAN KERJA KURSUS (PKK)	Penilaian Pengetahuan (Teori)	21%	12.6	24%	14.4
		Penilaian Prestasi (Amali)	49%	29.4	36%	21.6
		JUMLAH	70%	42	60%	36
2.	PENILAIAN AKHIR (PA)	Penilaian Pengetahuan (Teori)	9%	5.4	16%	9.6
		Penilaian Prestasi (Amali)	21%	12.6	24%	14.4
		JUMLAH	30%	18	40%	24
	JUMLAH %		100	60	100	60

Penyediaan Set Soalan PA Berdasarkan Nilai Kredit

BIL	PERKARA	TAHAP 1 & 2	TAHAP 3	TAHAP 4 & 5
1.	PENGETAHUAN			
	(a) Bentuk Soalan	Objektif Mengingat (Recall) & Pemahaman	Objektif Mengingat (Recall), Pemahaman & Aplikasi	Objektif & Subjektif (Berstruktur dan Esei) Pemahaman & Analisis
	(b) Bilangan soalan berdasarkan nilai kredit			
	≤ 3 kredit	20 soalan		40 soalan Objektif 1 soalan Subjektif (struktur)
	4 – 6 kredit	30 soalan		40 soalan Objektif 2 soalan Subjektif (1 soalan struktur & 1 soalan esei)
	≥ 7 kredit	40 soalan		40 soalan Objektif 3 soalan Subjektif (2 soalan struktur & 1 soalan esei)
	(c) Tempoh masa	1.5 min / soalan		1.5 min / soalan Objektif 30 min / soalan (subjektif)
	≤ 3 kredit	30 min		1 jam 30 min
	4 – 6 kredit	45 min		2 jam
	≥ 7 kredit	1 jam		2 jam 30 min
	(d) Aras kesukaran	Rendah 50% Sederhana 30% Tinggi 20%		
2.	PRESTASI	1 – 5 jam		

Pecahan peratus dan markah lulus minimum mengikut komponen penilaian yang dinyatakan pada perkara 12.0 PEMARKAHAN DAN PEREKODAN dalam Panduan Pentauliahan Program Dan Pelaksanaan Latihan Kemahiran Melalui Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Pensijilan Program Modular Unit Kompetensi (CU) Dan Aktiviti Kerja (WA) adalah **TERBATAL**.

Tarikh Kuatkuasa

Kaedah Pelaksanaan Penilaian dan Permarkahan Program Modular bagi Pelaksanaan Latihan Kemahiran Melalui Latihan Program Bertauliah (SLaPB) di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Pensijilan Program Modular Unit Kompetensi (CU) dan Aktiviti Kerja (WA) ini berkuatkuasa mulai **1 Jun 2022**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pekerja Tonggak Keluarga Malaysia Dalam Pemulihan Negara”

Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia